



**Universiti
Malaysia
PAHANG**

Pelan Strategik UMP 2011-2015

A large graphic featuring the year '2020' in bold red digits on the left and '1115' in bold red digits on the right, set against a background of a blue sky with white clouds.

UMP
Universiti
Teknologi
Pilihan
Utama

15

1
UMP
Universiti
Teknologi
Pilihan
Utama

1
UMP
Universiti
Teknologi
Petaling
Utama

1



Kandungan *Contents*

- 2** Pemaknaan Hasrat Kerajaan
Realising Government Aspirations
- 4** Penajaran melalui Transformasi & Migrasi
Positioning through Transformation & Migration
- 6** Garis Masa Pelan Strategik UMP
UMP Strategic Plan Milestones
- 8** Pelan Tindakan
Action Plan
- 10** Analisa Pencapaian Pelan Strategik 2008-2010
Strategic Plan 2008-2010 Achievement Analysis
 - ▶ Pemetaan UKRA
The Mapping of UKRA
- 15** Pelan Strategik UMP 2011-2015
UMP Strategic Plan 2011-2015
 - ▶ Pengistilahan Semula Visi, Misi dan Objektif UMP
Redefining UMP Vision, Mission & Objective Statements
 - ▶ Bidang Keberhasilan Utama Universiti
University Key Result Areas
- 29** Penutup
Conclusion
- 31** Glosari
Glossary



Pemaknaan Hasrat Kerajaan

Realising Government Aspirations

Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Badan Berkanun Persekutuan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memikul kewajipan untuk memaknakan hasrat kerajaan dengan cekap dan berkesan melalui perkhidmatan cemerlang kepada para pelanggan dan pemegang taruhnya.

Pemaknaan tersebut memerlukan strategi yang bijaksana dan perencanaan yang sempurna untuk dilaksanakan oleh kepimpinan yang berwibawa. Pada tahap ini, Universiti ini perlu memelihara kemandiriannya bersandarkan asas yang telah diletakkan sejak sembilan tahun yang lepas.

Pelan Strategik UMP 2011-2015 merupakan langkah berani UMP bagi mendepani masa untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah IPTA dan terus relevan dalam arus perdana.

Transformasi nasional yang diterajui pucuk pimpinan negara pada hari ini melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Transformasi Politik perlu ditekuni dengan penuh kesedaran bagi memastikan agenda pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 berada pada landasan yang sebenar.

Justeru, warga UMP di setiap lapangan dan peringkat perlu memainkan peranan yang berkesan bagi mengupayakan pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dengan penuh tanggungjawab untuk menjadikan *UMP, Universiti Teknologi Pilihan Utama*.

Salam hormat.

DATO' MOHD HILMEY MOHD. TAIB
Pengerusi Lembaga Pengarah
Chairman, Board of Directors


In line with the Malaysian Government aspirations, UMP, as a Public Institution of Higher Learning (IHL) and a Federal Statutory Body, is responsible for providing excellent services to its customers and stakeholders.

This endeavour requires wise strategies and perfect planning to be carried out by competent leadership. At this juncture, UMP has to continuously safeguard the sanctity of the foundations laid down at its inception nine years ago.

Thus, UMP Strategic Plan 2011-2015 is the manifestation of the university's forward thinking to strengthen its position to remain relevant in the mainstream as an IHL of high standing and repute both locally and internationally.

Hence, UMP Strategic Plan 2011-2015 must be perfectly aligned with the transformation initiatives introduced by the nation's leadership through the Government Transformation Programme (GTP), New Economic Model, Economic Transformation Programme (ETP) and Political Transformation.

As such, the UMP community at all levels should play an active role in implementing UMP Strategic Plan 2011-2015 as a move towards realizing our dream of making the university the First Choice Technological University.



“Pelan Strategik UMP 2011-2015 merupakan langkah berani UMP bagi mendepani masa untuk mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah IPTA dan terus relevan dalam arus perdana.”

“UMP Strategic Plan 2011-2015 is an audacious move to position it as a reputable Public Higher Education Institution of choice and to remain relevant in the mainstream.”



Penjajaran Melalui Transformasi & Migrasi

Positioning Through Transformation & Migration

Pelan Strategik UMP 2011-2015 mengangkat tema *UMP, Universiti Teknologi Pilihan Utama* sebagai kesinambungan kepada Pelan Strategik terdahulu. Pelan Strategik UMP 2011-2015 direncana dan diukur dengan mengambil kira pencapaian semasa Universiti ini, semakan semula terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pengajian Tinggi (MKRA).

Melewati usia kesembilan pengasasannya pada 16 Februari 2011 ini, UMP telah melalui fasa-fasa penting dalam evolusi dan perkembangannya untuk menempatkannya sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang bermartabat dan disegani. Keupayaan untuk merencana secara strategik dan realistik, bertindak atas keutamaan serta hemah pengurusan dan pentadbiran yang dipaksikan kepada nilai integriti, akauntabiliti dan ketelusan akan membolehkan Universiti ini dibangunkan dengan mapan.

Justeru, cabaran yang didepani kini adalah penterjemahan Pelan Strategik UMP 2011-2015 kepada inisiatif pelaksanaan dalam kerangka strategiknya. Cabaran ini menuntut penggembangan minda dan tenaga warga UMP untuk bertindak atas jajaran yang sama bagi menjana hasil yang cemerlang. Sehubungan itu, warga UMP perlu menyedari bahawa ke arah menjadikan UMP sebagai Universiti Teknologi Pilihan Utama, kita memerlukan transformasi pendekatan, migrasi sikap dan penajaran strategik.

Meneliti isi kandungan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan menekuni Bidang-bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) yang telah dilakar, tiada seorang pun dari kalangan warga UMP yang akan terkecuali dari agenda pengisiannya. Universiti kita, tanggungjawab kita.

PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM

Naib Canselor
Vice Chancellor

UMP Strategic Plan 2011-2015, with the theme "First Choice Technological University", is essentially a continuation of earlier strategic plans. It has been formulated based on current trends in the higher education sector, as well as reviews of the National Higher Education Strategic Plan (PSPTN), 1Malaysia concept, Government Transformation Programme (GTP), National Key Result Areas (NKRA) and the Ministry Key Result Areas (MKRA).

16 February 2011 marked the ninth year of UMP's establishment. It also marked UMP's journey through various milestones in its evolution and development to position itself as an outstanding Public Institution of Higher Learning (IHL). The sustainability of UMP greatly depends on the ability of its leadership to plan strategically and realistically with priorities-based initiatives as well as good governance based on integrity, accountability and transparency.

The present challenge is to translate UMP Strategic Plan 2011-2015 into appropriate initiatives within the framework of implementation. It necessitates the UMP community to join forces physically and mentally to produce the desired outstanding results. To succeed in making UMP the First Choice Technological University, UMP community must first be prepared to transform its approach and methodology as well as migrate its attitudes and behaviours in order to position itself strategically.

UMP Strategic Plan 2011-2015 requires every individual in UMP to play a role in the implementation of the University Key Result Areas (UKRAs) which have been identified. Our university, our responsibility.



"Cabaran ini menuntut penggembangan minda dan tenaga warga UMP untuk bertindak atas jajaran yang sama bagi menjana hasil yang cemerlang. Sehubungan itu, warga UMP perlu menyedari bahawa ke arah menjadikan UMP sebagai 'Universiti Teknologi Pilihan Utama,' kita memerlukan transformasi pendekatan, migrasi sikap dan penajaran strategik."

"To achieve this, UMP's community must mobilise their mind and workforce in synergy towards a single direction to generate excellent result.

The endeavour demands a radical approach and the right attitude, driven by a true spirit of transformation and migration towards positioning UMP as the 'First Choice Technological University

"

Petunjuk:

Legend:

Inisiatif KPT mengikut tahun:
MOHE initiatives according to years:

- 2006
- 2007
- 2008
- 2010

MyMokes

PSPTN

SETARA

MyRA

10 CSF

10 CSF

**Pelan Strategik
2002-2007**

**Pelan Strategik
2008-2010**

Meletakkan Asas
Universiti Teknikal

*Foundation of
a Technical University*

Memperkuuh Asas,
Menjana Kecemerlangan

*Strengthening Foundation &
Generate Excellence*

M

S

P

4

**P
2**

**Unive
Pili**

**F
Techno**

Garis Masa Pelan Strategik UMP

UMP Strategic Plan Milestones

Pelan Strategik UMP kini berada di Fasa Ketiga iaitu 'Menjadi Sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama.' Dua pendekatan pembaharuan yang terkandung di dalam pelan ini adalah

1. Pengenalan UKRA Menggantikan CSF

Pengistilahan semula CSF kepada UKRA adalah kesinambungan daripada aspirasi GTP, NKRA dan MKRA.

2. Pengukuran Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

Pengukuran output berteraskan pencapaian KPI menerapkan empat inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu

- PSPTN sebagai rujukan utama semua IPTA untuk menjadi universiti berkelas dunia
- MyMoHES yang menghasilkan data perangkaan KPT,
- SETARA dengan penarafan kesemua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan
- MyRA bagi menilai status penyelidikan IPTA

Justeru, sinergi keseragaman dua inisiatif ini akan memacu UMP untuk 'Menjana Kegemilangan' di fasa yang seterusnya.

UMP Strategic Plan is now in its Third Phase that is to be the 'First Choice Technological University.' Two new approaches are employed and they are:

1. The Introduction of UKRA to Replace CSF

The change from CSF to UKRA is the aspiration in line with GTP, NKRA and MKRA.

2. The Measurement of Key Performance Indicator (KPI)

The output measurement is based on the achievement of KPI using four initiatives from the Ministry of Higher Education (MOHE) which are

- PSPTN as the main reference for all Public Institutions of Higher Learning in achieving world class status,
- MyMoHES which provides MoHE statistical data,
- SETARA which rates all public IHLs and
- MyRA which assesses the research status in IHLs

Thus, the synergy of these two initiatives is intended to drive UMP to 'Generate Glory' in the next phase.



Strategik
1-2015

Pelan Strategik
2016-2020

Universiti Teknologi
Bertaraf Dunia
*World Class
Technological University*

Teknologi
Utama
Choice
al University

Menjana
Kegemilangan

Generate
Glory



PELAN TINDAKAN

Action Plan

Tiga langkah proaktif untuk merealisasikan Pelan Strategik UMP 2011-2015:

Three proactive steps to realise UMP Strategic Plan 2011-2015 are:

LANGKAH 1:

Step 1:

Pemurnian Sasaran Strategik


Strategic Target Funnel

LANGKAH 2:

Penilaian Pelaksanaan

Assessing

'Strategic Target Funnel'



Memurnikan sasaran strategik UMP mengikut keutamaan melalui

- a. **Panel-panel pakar** dalam mengukur keupayaan UMP bagi mencapai sasaran strategik berdasarkan keutamaan dan penanda aras.
- b. **Pemegang taruh UMP** yang mempunyai hak dalam menentukan sasaran yang bersesuaian dengan aspirasi dan keperluan pasaran.
- c. **Kekuatan UMP** iaitu mengutamakan nic dan bidang fokus yang selari dengan dasar penubuhan UMP

Refining and prioritising UMP end state targets through

- a. **Panels of experts** who assess the capability of the university in achieving its strategic goals based on priority and accepted benchmark.
- b. **UMP stakeholders** who have the say in determining the university's targets according to their aspirations and market trends.
- c. **UMP strengths** based on its niches and focus areas which are in line with the principal objectives underlying the establishment of UMP.

Mengukur kemampuan pelaksanaan bagi merangka perancangan dan tindakan strategik dalam aspek

- a. **Pengurusan bakat yang optimum.**
- b. **Pembudayaan organisasi yang berprestasi tinggi.**
- c. **Tempoh** perlaksanaan kerja yang realistik.
- d. **Pengupayaan Staf** dengan memberikan kebebasan untuk bertindak dengan pantas dan cekap.

Perancangan Pelan Tindakan ini digerakkan daripada aktiviti sumbangsaraan di tiga peringkat utama iaitu Sidang Kemuncak di Cheringin (1-3 Oktober 2010), Shah Alam (3-5 November 2010) serta siri-siri bengkel yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Ahli Pengurusan Universiti dan wakil-wakil PTJ. Kesinambungan daripada pelan tindakan ini digerakkan dengan pelantikan seorang pemimpin (*Champion*) untuk setiap UKRA yang akan dijayakan bersama oleh semua warga UMP.

This action plan is the result of brainstorming activities on three main occasions which were the Cheringin Summit (1-3 October 2010), Shah Alam (3-5 November 2010) and a series of workshops attended by the University Board of Directors, University Management and representatives from various departments. The outcome of this action plan is the appointment of Champions, who will lead the effort to develop each UKRA with all UMP community.

H 2:

eupayaan

n

cution Capability



Measuring the execution capability in formulating strategic plans and actions in the aspects of

- a. Optimal talent management.
- b. High performance organisational culture.
- c. Realistic time frame.
- d. Staff Empowerment with the freedom to act promptly and precisely.

LANGKAH 3:

Step 3:

Membangunkan Strategi Pelaksanaan

Developing Strategy Roadmap




Untuk mencapai penarafan cemerlang yang memenuhi agenda NKRA dan MKRA, strategi UKRA menetapkan hala tuju, garis masa dan pelan tindakan yang komprehensif melalui

- a. Pencapaian Cemerlang dalam Tempoh Minima.
- b. Pencapaian berimpak tinggi melalui tindakan strategik yang wajar
- c. Pendekatan SPITRA (Strategi-Perancangan-Pelaksanaan-Pengunjuran-Prestasi-Analisa)

Detailed the objectives, timelines and comprehensive plans to achieve excellent ratings based on the NKRA and MKRA through:

- a. Short Term Quick Win
- b. High Impact Achievement through strategic bold moves
- c. SPITRA (Strategy- Plan- Implementation- Tracking – Result – Analysis)

A red wooden ladder is positioned diagonally across the frame, leaning against a vibrant blue sky filled with wispy white clouds. The ladder's rungs are clearly visible, creating a sense of depth and perspective. The background features a faint silhouette of a city skyline under a bright sun.



ANALISA PENCAPAIAN

THE ANALYSIS OF ACHIEVEMENT

Analisa Pencapaian Pelan Strategik 2008-2010

Strategic Plan 2008-2010 Achievement Analysis

- Keputusan CSF bagi Pelan Strategik UMP 2008-2010 mencatatkan pencapaian cemerlang bagi CSF 7 Pembelajaran Sepanjang Hayat dan CSF 10 Mekanisma Pembiayaan. Tiga CSF lagi iaitu CSF 5 Jaminan Kualiti, CSF 6 Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (R&D&C) dan CSF 8 Pengantarabangsaan berada di tahap baik.
- Empat input telah dikenal pasti untuk menambahbaik pencapaian CSF semasa Bengkel Pelan Strategik bersama Ketua PTJ pada 20 Oktober 2010. UMP disaran agar memperkasakan sistem penyampaian, pemberian ganjaran dan hukuman, program mentor mentee serta penyuburan budaya kreatif dan inovatif terutamanya kepada lima CSF berikut iaitu CSF 1 Governan, CSF 2 Pembangunan Modal Insan, CSF 3 Pengajaran dan Pembelajaran, CSF 4 Akses & Sosioekonomi dan CSF 9 Nilai Tambah Berasaskan Teknologi.
- Keputusan SETARA 2009 menunjukkan UMP berada di Tier Empat iaitu di kedudukan 'Sangat Baik' berdasarkan format I-P-O:



- Dua strategi utama yang perlu diberi tumpuan:
 - Penerapan Budaya Kerja Cemerlang**
Aktiviti Teras UMP digembangkan secara kolektif dan berkualiti tinggi. UMP bakal menjadi rujukan dan peneraju dalam menanamkan aras modal insan yang dinamik, profesional dan kompeten.
 - Pengukuran dan Perlaksanaan UKRA**
Pendekatan UKRA berteraskan pengukuran output berbanding aktiviti. Ia merangkumi format I-P-O selari dengan aspirasi NKRA dan MKRA.

- Two significant strategies which need attention are:

1


The Infusion of Excellent Work Culture
University Core activities are to be carried out collectively and with high quality. UMP will act as the key reference and as a benchmark or dynamic, professional and competent human capital.

2

The Measurement and Implementation of UKRA
The UKRA approach is a measurement of output; unlike CSF, which basically focused on activities. It covers the I-P-O format which is in line with the aspirations of MKRA and NKRA.

PERKAITAN DAN PEMETAAN UKRA

UKRA: THE CONTINUATION OF TRANSFORMATION AGENDA



UMP menjalankan aktiviti其nya mengikut sepuluh CSF.

UMP acts in accordance with the ten CSFs.

Empat UKRA adalah kesinambungan kepada agenda NKRA dan MKRA, serta gabungan inisiatif PSPTN, MYMOHES, SETARA dan MYRA

The four UKRA are aligned with the agendas of NKRA and MKRA, a joint initiative of PSPTN, MYMOHES, SETARA and MYRA.

Setiap UKRA boleh diukur melalui KPI yang tertentu.

Each UKRA can be measured by specific KPIs.

UMP (CSF)

Pengajaran & Pembelajaran
Teaching & Learning

Pembangunan Modal Insan
Human Capital Development

Governan
Governance

Penjaminan Kualiti
Quality Assurance

Pengantarabangsaan
Internationalization

Penyelidikan, Pembangunan & Pengkomersialan
Research, Development & Commercialization

Mekanism Pembiayaan
Financing Mechanism

Akses & Sosioekonomi
Access & Socio-Economic

Nilai Tambah Berasaskan Teknologi
Added Value Based on Technology

Pembelajaran Sepanjang Hayat
Lifelong Learning

UKRA

Peningkatan Kualiti Akademik
Enhancement of Academic Quality

Kelestarian Kewangan
Financial Sustainability

Pembangunan Sosioekonomi
Socio-Economic Development

Penjenamaan untuk Penjajaran Strategik
Branding for Strategic Positioning

KPI

Pengambilan Pelajar yang Berkualiti
Quality Student Intake

Staf yang Kompeten
Competent Staff

Graduan Berketerampilan
Proficient Graduates

Kelestarian Operasi
Operational Sustainability

Pembangunan Modal Insan Profesional
Professional Human Capital Development

Penubuhan Syarikat
Enterprise Establishment

Kepuasan Staf
Staff Satisfaction

Ekuiti Jenama
Brand Equity

PELAN STRATEGIK UMP 2011-2015

UMP Strategic Plan 2011-2015

BIDANG KEBERHASILAN UTAMA UNIVERSITI

Key Result Areas (KRA)



Misi Mission

Kami menyediakan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan yang tinggi kualitinya dalam bidang kejuruteraan dan teknologi yang membudayakan kreativiti dan inovasi.

We provide high quality education, research and services in engineering and technology in a culture of creativity and innovation.

UMP membudayakan kreativiti dan inovasi yang berprestasi tinggi melalui kualiti pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan dalam bidang teknologi dan kejuruteraan. Ianya sinonim dengan slogan UMP iaitu ‘Kejuruteraan, Teknologi, Kreativiti.’

UMP encourages high performance that is creative and innovative which is manifested in its quality of education, research, and services in the fields of engineering and technology. This is emphasised in the university’s slogan - ‘Engineering, Technology, Creativity’.

Visi

Vision

Menjadi universiti teknologi bertaraf dunia
To be a world class technological university

UMP bertekad menjadi sebuah universiti teknologi bertaraf dunia. Istilah ‘Technological’ didapati lebih menepati identiti dan bidang fol UMP iaitu Kejuruteraan, Teknologi dan Kreativiti. UMP is set to become a world class technological university. The term ‘Technology’ has been replaced with ‘Technological’ as it better describes UMP’s identity and niche areas which are Engineering, Technology and Creativity.

Pengistilahan Semula Visi, Misi & Objektif UMP

Redefining Vision, Mission & Objective Statements

Objektif:

Objectives

- 1 Melahirkan graduan yang berketerampilan melalui program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.**
To produce outstanding graduates by providing competitive engineering and technological programmes.
- 2 Menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan yang berkaitan dengan industri.**
To spearhead cutting edge industry-relevant research initiatives.
- 3 Menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan nic dan bidang kepakaran.**
To be a leading service provider to industries and community based on our niche and areas of expertise.
- 4 Diiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan pengurusan dan budaya kerja cemerlang.**
To be recognized as an institution for its excellent management and work culture.

Dalam usaha merealisasikan misi kami, empat objektif khusus telah dirangka bagi mencapai aspirasi UMP - menjadi Universiti Teknologi bertaraf Dunia

To achieve UMP aspiration to be a 'World Class Technological University', four objective statements have been formulated:

- Dalam usaha memberikan pendidikan yang berkualiti, objektif pertama disasarkan untuk menghasilkan graduan yang cemerlang melalui program-program akademik yang kompetitif dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.
The first objective addresses the need to produce quality education and high quality graduates through competitive engineering and technological programmes.
- Objektif universiti yang kedua digubal bagi mendorong UMP untuk menjadi peneraju dalam bidang penyelidikan dan inisiatif yang berasaskan industri yang terkini melalui kerjasama yang erat.
The second is aimed at putting UMP at the pinnacle of research and industrial partnerships.
- Objektif ketiga berhasrat memberikan perkhidmatan yang unggul dan berkualiti. Ia mensasarkan agar UMP gah dan dikenali di kalangan rakan industri dan masyarakat setempat dalam memberikan perkhidmatan yang bermutu dalam bidang nic dan kepakaran UMP.
The third is aimed at putting UMP on the map as a quality and excellent service provider especially in UMP niches and areas of expertise.
- Objektif keempat iaitu memperkasakan governan dan budaya kerja berprestasi tinggi menjadi asas kepada Universiti Teknologikal Bertaraf Dunia. UMP bakal signifikan dan sinonim sebagai institusi rujukan yang membudayakan pengurusan serta sistem kerja yang cekap dan cemerlang.
The fourth is aimed at establishing UMP as a benchmark by strengthening governance and high performance work culture which also serves as the foundation of a World Class Technological University.

KRA 1: PENINGKATAN KUALITI AKADEMIK

ENHANCEMENT OF ACADEMIC QUALITY

Ditakrifkan sebagai:
Is defined as:

"Pemerkasaan program akademik, prasarana, pengambilan pelajar yang berkualiti dan warga kerja yang kompeten melayakkan UMP untuk diiktiraf sebagai sebuah Universiti Teknologi bertaraf Dunia."

"Every effort that is made by the university to be recognized as a World Class Technological University by strengthening academic programmes offered, providing conducive facilities, and improving the standard of students admission criteria as well as staff selection criteria."

KPI 1a Pengambilan Pelajar yang Berkualiti

Quality Student Intake

KPI 1b Staf yang Kompeten

Competent Staff

KPI 1c Graduan Berketerampilan

Proficient Graduates

KPI 1a

Pengambilan Pelajar yang Berkualiti

Quality Student Intake

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

“Calon-calon tempatan dan antarabangsa yang mempunyai kelayakan tinggi dan cukup bersedia untuk meneruskan pengajian peringkat sarjana muda di universiti. Calon-calon mempunyai kemahiran berbahasa yang tinggi bagi tujuan pengajian mereka.”

“Local and international applicants who are selected based on their high qualifications and adequate preparation to pursue their studies at undergraduate level. They are required to have strong language competency for the purpose of their study.”

Petunjuk:

Indicators

- Pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) Calon
Candidate's Cumulative Grade Point Average (CGPA)
- Tahap Kemahiran Berbahasa Inggeris (MUET, TOEFL, IELTS dll.)
Language competency level (MUET, TOEFL, IELTS etc.)

Sasaran 2015:

Target by 2015

- 70% daripada pengambilan pelajar mencapai PNGK 3.0
70% of student intake achieves a CGPA of 3.0
- 70% daripada pelajar mahir berbahasa Inggeris dengan pencapaian MUET Band 3/TOEFL 550/IELTS 5.5 dan ke atas
70% of students achieve English competency of MUET Band 3/TOEFL 550/IELTS 5.5 and above



KPI 1b

Warga Kerja yang Kompeten

Competent Staff

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

"Setiap kakitangan (akademik, bukan akademik dan teknikal) cekap dan berkesan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan."

"Every staff member (academic, non academic and technical) who is able to execute his/ her assigned tasks effectively and efficiently."

Petunjuk:

Indicators

- Peratusan pemegang PhD
Percentage of PhD holders
- Pengalaman di industri/
kelayakan profesional untuk
staf akademik
*Years of industrial experience/
professional qualification for
academics*
- Tahap kelayakan dan
pengalaman bekerja di
industri atau yang setaraf
bagi staf bukan akademik
*Levels of qualifications and years of
relevant working/industrial
experience for non-academics*
- Tahap kelayakan dan
pengalaman bekerja di
industri atau yang setaraf
bagi staf teknikal.
*Levels of qualifications and years of
relevant working/industrial
experience for technical staff*

Sasaran 2015:

Target by 2015

- 50% kakitangan akademik
berkelayakan PhD

*50% of academic staff is PhD
holders*

- 30% kakitangan akademik
mempunyai lima tahun
pengalaman di industri/
kelayakan profesional.

*30% of academic staff possess five
years of industrial exposure/
professional qualification*



KPI 1c

Graduan Berketerampilan

Proficient Graduates

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

"Graduan UMP yang mencapai Hasil Program (PO) dan Objektif Pembelajaran Program (PEO) seperti mana yang dibangunkan oleh pihak universiti."

University's Programme Outcomes (PO) and Programme Educational Objectives (PEO).

Petunjuk:

Indicators

- Pencapaian Hasil Program (PO) oleh graduan.
Programme Outcomes (PO) achieved by graduates
- Pencapaian Objektif Pembelajaran Program (PEO) lima tahun selepas bergraduat
Programme Educational Objective (PEO) achieved by graduates five years upon graduation
- Peratusan graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduat
Percentage of employed graduates within six months of graduation

Sasaran 2015:

Target by 2015

- 80% graduan yang mendapat pekerjaan.
80% employability rate



KRA 2.

KELESTARIAN KEWANGAN

FINANCIAL SUSTAINABILITY

KPI

Kelestarian Operasi

Operational Sustainability

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

"Kemampuan organisasi menguruskan aktiviti pembangunan dan masalah kewangan yang tidak dijangka tanpa perlu melakukan pengubahsuaian yang drastik dalam pengurusan perbelanjaan dan penjanaan pendapatan."

"The ability of an organisation to manage the likely development and unexpected financial shocks in future periods without having at some stage to introduce substantial expenditure or revenue adjustments."

Petunjuk:

Indicators

- Unit Khas Perniagaan
Special Business Unit
- Unit Khas Pengkomersial
Special Commercial Unit

Sasaran 2015:

Target by 2015

- 15% penjanaan pendapatan UMP adalah melalui aktiviti operasi, geran, dan penajaan

15% of UMP income generation is generated through operational activities, grants and sponsorships



KRA 3: PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI

SOCIO-ECONOMIC DEVELOPMENT

Ditakrifkan sebagai:
Is defined as:

“Sumbangan UMP kepada pembangunan sosioekonomi negara ialah dengan melahirkan individu dan profesional yang berketerampilan yang menepati kehendak pasaran dan guna tenaga negara dengan penyediaan prasarana yang kondusif serta capaian perkongsian ilmu dan peluang pembelajaran kepada masyarakat umum.”

“UMP's contribution to the country's social and economic development through producing proficient individuals and professionals that meet and exceed the requirements of the job market, and harnessing the country's resources by providing conducive infrastructure and educational opportunities to the community at large.”

KPI 3a

Pembangunan Modal Insan Profesional

Professional Human Capital Development

KPI 3b

Penubuhan Syarikat

Enterprise Establishment

KPI 3a

Pembangunan Modal Insan Profesional

Professional Human Capital Development

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

Staf dan pelajar UMP mempunyai pengiktirafan profesional tambahan yang diiktiraf melalui perkhidmatan dengan masyarakat dan industri yang berkaitan dengan program dan bidang kepakaran mereka.

UMP staff and students who have acquired additional professional recognition and acknowledgment through engagement with industries and community that is related to their programmes and expertise.

Petunjuk:

Indicators

- Jumlah pekerja profesional /Perakuan kecekapan per pelajar

*Total number of professionals/
Certifications of Competency per
student*

- Tahap kompetensi Kemahiran Insaniah
Level of Soft Skills competency
- Jumlah program kemasyarakatan per pelajar

*Total number of community
programmes per student*

Sasaran 2015:

Target by 2015

1 sijil/pengiktirafan bekerja dengan industri/khidmat masyarakat per pelajar

*1 certification/recognition for service
to the with the industry/community per
student*



KPI 3b

Penubuhan Syarikat

Enterprise Establishment

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

- Syarikat *Spin-off* melalui aktiviti pengkomersialan produk UMP
Spin-off Company through UMP's product commercialisation
- Program-program keusahawanan
Entrepreneurship programmes
- Mahasiswa (UMP/CENFED) dan inisiatif program inkubator untuk IKS/PKS
Students (UMP/CENFED) and SMEs/ SMIs incubation programme initiatives
- Program pengkomersialan dalaman – pelaburan modal/*spin-off/ Pendaftaran Harta Intelek*
Internal commercialisation programme – venture capital/spin-off/ registration of IP

Petunjuk:

Indicators

- Jumlah pelajar/kakitangan mengambil bahagian dalam program-program keusahawanan
Number of students/staff participating in entrepreneurship programmes
- Jumlah IKS/PKS dalam program-program inkubasi.
Total number of SMIs/SMEs in the incubation programmes

Sasaran 2015:

Target by 2015

- 3% daripada graduan menjadi usahawan
3% of graduates become entrepreneurs
- 10 staf/pelajar/IKS/PKS menyertai program-program inkubator
10 staff/students/SMIs/SMEs incubees are involved in incubation programmes



KRA 4.

PENJENAMAAN UNTUK PENJAJARAN STRATEGIK

BRANDING FOR STRATEGIC POSITIONING

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

“Mewujudkan imej UMP yang cemerlang serta memperoleh kepercayaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat tentang kelebihan dayasaing UMP”

“To create an outstanding image of UMP and strong convictions among public of UMP competitive advantage”

KPI 4a

Kepuasan Staf

Staff Satisfaction

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

“Kepuasan staf terhadap penawaran yang disediakan oleh UMP yang memenuhi atau melangkaui jangkaan mereka”

“Staff satisfaction towards UMP offerings which meet or exceed their expectations”

Petunjuk:

Indicators

Indeks kepuasan Staf
Staff satisfaction index

Sasaran 2015:

Target by 2015

Tahap kepuasan staf pada tahap 95%

Level of staff satisfaction at 95%

Nota:

Notes:

Komitmen dan kesetiaan staf UMP dapat diperkasakan melalui tinjauan tahap kepuasan mereka terhadap organisasi dan penawarannya. Kepuasan dari perspektif ini merujuk kepada maklum balas staf serta tahap kepuasan hati mereka terhadap organisasi. Ianya dilihat dari segi keseronokan bekerja dan pencapaian yang berkaitan dengannya. Faktor persekitaran, hubungan dengan rakan sekerja, pengupayaan staf serta tahap penglibatan dalam menjayakan tugas juga diambilkira dalam pengukuran tersebut. Kepuasan bekerja menjadi elemen yang penting dalam mewujudkan keseimbangan dan kesejahteraan staf.

In winning the hearts of UMP staff and engendering their commitment and loyalty, an approach should be in place to gauge their satisfaction with UMP and its offerings. Satisfaction in this sense refers to the high satisfaction level towards the organization due to their sense of accomplishment and pleasure derived from the work itself, work environment, work relationships, empowerment and engagement. When job satisfaction is attained, it provides stability and serenity in one's life.

Melalui kaedah kajian tinjauan kepuasan staf, UMP dapat mengetahui gambaran sebenar persekitaran kerja dan kualiti penawaran perkhidmatan yang berkaitan. Justeru, profil kepuasan staf dapat dijana yang kemudiannya menghasilkan indeks kepuasan staf UMP. Indeks ini menjadi input kepada pengurusan UMP untuk merangka program pemasaran dan inisiatif dalaman. Selain daripada maklum balas tersebut, komponen pengurusan sumber manusia juga akan diambilkira dalam tinjauan ini.

In this process, staff satisfaction survey is a means to solicit staff's view about the nature of their work environment and the quality of service. Thus, a staff satisfaction profile can be established and eventually their satisfaction index can be determined. This satisfaction survey and its index can be an input for UMP management to initiate an internal marketing program. Apart from staff satisfaction feedback, other components of human resource management can be included in the survey.

KPI 4b

Ekuiti Jenama

Brand Equity

Ditakrifkan sebagai:

Is defined as:

Nilai tambah yang diperolehi UMP sebagai satu jenama yang cemerlang membentuk kesan positif terhadap minda, perkataan dan tindakan masyarakat

Added value accomplished by UMP as an established brand in the thoughts, words and actions of the public in creating a feel good impact

Petunjuk:

Indicators

- Pengiktirafan jenama
Brand recognition
- Kredibiliti jenama
Brand credibility
- Pilihan jenama
Brand choice

Sasaran 2015:

Target by 2015

- UMP mendapat perhatian umum dan pengiktirafan jenama yang tinggi
UMP gains a high level of public awareness and brand recognition
- Penilaian positif terhadap usaha dan pencapaian UMP
Positive evaluations of UMP efforts and achievements
- UMP menjadi pilihan utama pelajar cemerlang dalam bidang kejuruteraan dan teknologi
UMP is the first choice for top notch students in engineering and technology
- UMP mendapat penajaan dan suntikan kewangan daripada pelanggan dan pemegang taruh
UMP is able to secure financial support from customers and stakeholders
- UMP mendapat keutamaan dalam penajaan penyelidikan dan perundingan
UMP receives priority in funded research and consultancy

Nota:

Notes:


Pengiktirafan jenama UMP yang berdaya saing merujuk kepada keupayaan masyarakat untuk mengenal pasti UMP berbanding dengan universiti daripada kategori yang sama seperti UTM, UniMAP, UTHM dan UTeM. Kredibiliti jenama amat berkait rapat dengan keupayaan serta keberkesanan aktiviti promosi UMP. Pengukur kepada kejayaan hasrat UMP untuk menjadi universiti pilihan utama akan tercapai apabila para pelajar menjadikan UMP sebagai universiti pilihan utama berbanding dengan universiti lain.

UMP brand recognition refers to the public's ability to differentiate UMP from other universities in the same category (e.g., UTM, UNIMAP, UTHM and UTEM) in the competitive market. Brand credibility relates to UMP's reliability as well as the effectiveness of promotional activities. Brand choice is a measure of UMP's standing among prospective students as a strong and favourable choice compared to other universities.

Menjadi universiti pilihan amat penting kerana ianya menjadi faktor penentu kepada set cetusan pilihan universiti oleh pelajar. Seperti yang digambarkan di dalam jadual di bawah, set cetusan merujuk kepada set universiti alternatif yang bakal dipertimbangkan oleh pelajar semasa membuat keputusan bagi memilih universiti yang mereka kehendaki. Ringkasnya, mereka akan menyenarai pendekkan beberapa universiti pilihan yang akhirnya akan dimuktamadkan kepada hanya sebuah universiti iaitu UMP.

The favourable choice of study is important because it determines the evoked set – that is the set of alternatives (universities) the students consider at the relevant stage of decision making – other evoked set might not be considered in their choice process. As prospective students gather more information about the universities, a few universities remain a strong choice and they constitute their choice set while the others are relegated to a non-choice set. Theoretically this succession of universities is illustrated in the table below.

Set Turutan Keputusan oleh Pelajar *Successive Sets in Students' Decision Making*



KPI penjenamaan ini amat signifikan dalam memperkasakan usaha pengurusan UMP bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan jenama UMP di mata umum. Soal selidik tahunan yang dijalankan secara berkala adalah untuk memperoleh maklumat yang diperlukan daripada pemegang taruh utama sekaligus mencapai KPI berkenaan.

With this brand KPI in mind, UMP needs to conduct a preliminary survey to explore the inclination and view of the public towards UMP. This measure will assist UMP management to identify the weak and strong image position of UMP when it comes to branding. To achieve this KPI, consumer survey should be conducted periodically, perhaps annually, to elicit necessary information from the major stakeholders.



PENUTUP

CONCLUSION

Pelan Strategik UMP 2011-2015 adalah satu manifestasi komitmen semua pihak berkepentingan di UMP bagi merealisasikan hasrat untuk menjadikan UMP sebuah Universiti Teknologi Pilihan Utama bagi fasa 2011-2015. Ianya menerangkan secara jelas percaturan strategi yang dilakarkan secara bersama di peringkat pihak Lembaga Pengarah Universiti sehingga ke peringkat Pengurusan di setiap PTJ. Semakan semula terhadap kenyataan Visi, Misi dan Objektif mampu menyuntik nafas baharu bagi mendepani masa di persekitaran yang dinamik. Pembentukan empat Bidang Keberhasilan Utama (KRA) yang baharu berteraskan enam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah cukup realistik dengan mengambil kira keperluan semasa UMP, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan inisiatif semasa dalam arus perdana negara. Ianya adalah dokumen rujukan utama dan perlu didukung oleh setiap warga UMP dalam merangka semua aktiviti semasa di jabatan agar segala hasilnya kelak mampu untuk menyokong kejayaan setiap KPI yang telah digariskan. Semoga aspirasi dan komitmen seluruh warga UMP yang dirangkumkan dalam dokumen ini mampu mengangkat martabat UMP di dalam negara dan di persada dunia.

UMP's Strategic Plan 2011-2015 is a manifestation UMP stakeholders' commitment towards the university in upholding the aspiration to be the 'First Choice Technological University' for the next phase of 2011-2015. It clearly explains the strategies drawn together by the Board of Directors down to the management level at each department. This exchange of ideas has inspired a new-fangled restatement of UMP vision, mission and objective statements that may well inject fresh perspectives in confronting the dynamic milieu. The formation of UMP four new Key Result Areas (KRA) based on the six Key Performance Indicators (KPI) are realistic in nature by taking into account the current needs of the university, the National Higher Education Strategic Plan (PSPTN) and existing initiatives in the national mainstream. It is a key reference document for decision-making and should be espoused by every UMP associate in planning and executing activities at department levels. May the aspirations and commitment dictate in this document is able to elevate UMP in the national and world arena.

PENGHARGAAN

ACKNOWLEDGEMENT

Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2011-2015 ini adalah hasil usaha seluruh warga kerja UMP daripada pelbagai peringkat dan Pusat Tanggungjawab yang telah menyumbangkan masa dan tenaga untuk merealisasikan penghasilan dokumen ini.

Penghargaan khas ditujukan kepada Lembaga Pengarah Universiti dan pihak pengurusan UMP di atas sumbangan masa dan tenaga serta pandangan-pandangan yang berguna semasa proses pembentukan Pelan Strategik UMP 2011-2015 dan seterusnya membantu dalam melicinkan penyediaan dokumen ini.

Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea, kerjasama dan tenaga secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan penerbitan Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini disiapkan dengan sempurna.

'UMP, Universiti Teknologi Pilihan Utama'

Universiti Malaysia Pahang (UMP) Strategic Plan 2011-2015 is the result of endless efforts of UMP associates at various levels and departments who have contributed their time and energy in making sure the production of this document.

Undivided indebtedness is addressed to the Board of Directors and the Management of UMP for the contribution of time, energy and fruitful insights during the process of crafting the UMP Strategic Plan 2011-2015 as well as in facilitating the refining its contents.

Abundance of appreciation also goes to all those involved in any manner of contribution. It is a joint effort whether directly or indirectly to ensure the publication of the Universiti Malaysia Pahang Strategic Plan 2011-2015 comprehensive and a successful one.

'UMP, First Choice Technological University'

GLOSARI

GLOSSARY

KPT	– Kementerian Pengajian Tinggi
MOHE	– Ministry of Higher Education
PSPTN	– Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara <i>The National Higher Education Strategic Plan</i>
SETARA	– Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia <i>Rating System for Higher Education Institutions in Malaysia</i>
MyMOHES	– Sistem Maklumat KPT Berkaitan IPTA <i>Ministry of Higher Education for Data Collection</i>
MyRA	– Sistem Penilaian Universiti Penyelidikan <i>Malaysia Research Assessment Instrument</i>
IPTA	– Institusi Pengajian Tinggi Awam <i>Public Institution of Higher Learning</i>
PMO	– Pejabat Pengurusan Program <i>Programme Management Office</i>
KPI	– Petunjuk Prestasi Utama <i>Key Performance Indicator</i>
CAP	– Projek Agenda Kritisikal <i>Critical Agenda Project</i>
NKRA	– Bidang Keberhasilan Utama Negara <i>National Key Result Areas</i>
MKRA	– Bidang Keberhasilan Utama Kementerian Pengajian Tinggi <i>Ministry Key Result Areas</i>
UKRA	– Bidang Keberhasilan Utama Universiti <i>University Key Result Areas</i>
PEO	– Objektif Program Pendidikan <i>Programme Educational Objectives</i>
PO	– Pencapaian Hasil Program <i>Programme Outcome</i>
PNGK	– Purata Nilai Gred Kumulatif
CGPA	– <i>Cumulative Grade Point Average</i>
MUET	– <i>Malaysian University English Test</i>
TOEFL	– <i>Test Of English as a Foreign Language</i>
IELTS	– <i>International English Language Testing System</i>
IKS	– Industri Kecil dan Sederhana
SMI	– <i>Small and Medium Industries</i>
PKS	– Perusahaan Kecil dan Sederhana
SME	– <i>Small and Medium Enterprise</i>
IP	– Harta Intelek <i>Intellectual Property</i>





Bengkel Pelan Strategik
di Cherengin Hill
Janda Baik, Pahang
3 Oktober 2010